

17 NOV 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA SULTAN OMAN

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutuskan ucapan tahniah kepada Sultan Qaboos bin Said sempena Hari Kebangsaan Oman.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar ucapan serupa kepada Sultan Qaboos, yang juga ketua kerajaan Oman, demikian menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Dr Mahathir berharap hubungan dan kerjasama rapat antara Malaysia dan Oman dapat diprertingkatkan demi manfaat rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Badawi juga menghantar ucapan sama kepada rakan sejawatannya Yousof bin Alwi bin Abdullah.

-- BERNAMA

AKT NAK